



**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**  
**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

**P.U.(A)468/2010**

**Bertarikh 1 Januari 2011**

**(VERSI TERKINI PADA FEBRUARI 2013)**

**Disediakan –**

***Unit Perundangan  
Jabatan Canselori  
Universiti Malaysia Perlis  
Februari 2013***

# **AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

## **PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

-----  
**SUSUNAN SEKSYEN**  
-----

### **Seksyen**

1. Nama
2. Tafsiran

### **BAHAGIAN I**

#### **UNIVERSITI**

3. Menubuhkan Universiti sebagai pertubuhan perbadanan
4. Kuasa Universiti
5. Kuasa tambahan Universiti
6. Peruntukan yang berhubungan dengan perbadanan
7. Penjalanan pengajian, dsb., bersama-sama dsb., dengan mana-mana universiti
8. Pembezaan kerana ras dan kepercayaan dilarang
9. Meterai Universiti

### **BAHAGIAN II**

#### **PEGAWAI-PEGAWAI UNIVERSITI**

10. Canselor
11. Pro-Canselor
12. Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor
13. Ketua Kampus Cawangan
14. Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang

15. Pegawai lain

### **BAHAGIAN III**

#### **PIHAK BERKUASA UNIVERSITI**

16. Pihak Berkuasa
17. Lembaga Pengarah
18. Peruntukan yang berhubungan dengan Lembaga
19. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
20. Fungsi dan kuasa Lembaga
21. Jawatankuasa Lembaga
22. Senat
23. Jawatankuasa Pengurusan Universiti
24. Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut
25. Jawatankuasa Pengajian
26. Jawatankuasa Pemilihan
27. DIPOTONG
28. Jawatankuasa Kebajikan Pelajar
- 28A. Jawatankuasa Aduan Pelajar
29. Persatuan Siswazah atau Alumni Universiti
30. Tempoh jawatan bagi ahli Pihak Berkuasa
31. Mesyuarat
32. Lebih suara
33. Pertikaian

### **BAHAGIAN IV**

#### **STATUT, KAEDAH-KAEDAH DAN PERATURAN-PERATURAN**

34. Statut

35. Tatacara bagi membuat, meminda atau membatalkan statut
36. Kaedah-kaedah
37. Tatacara bagi membuat, meminda atau membatalkan kaedah-kaedah
38. Peraturan-peraturan
39. Menyiarkan statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan
40. Perlembagaan, pertelingkahan antara statut, dsb.

#### **BAHAGIAN V**

#### **PERUNTUKAN KEWANGAN**

41. Jawatankuasa Tetap Kewangan
42. Menyediakan anggaran
43. Tahun kewangan
44. Anggaran tahunan
45. Anggaran tambahan
46. Tidak boleh melakukan apa-apa perbelanjaan melainkan jika termasuk dalam anggaran
47. Bentuk anggaran
48. Kuasa Lembaga untuk mendapatkan dana, menerima hadiah, dsb.
49. Harta yang diberikan bagi maksud tertentu hendaklah diakaunkan secara berasingan
50. Bentuk kontrak
51. Audit

#### **BAHAGIAN VI**

#### **PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM**

52. Konvokesyen
53. Pelantikan pekerja Universiti
54. Profesor Diraja

55. Semua pelantikan hendaklah tertakluk kepada Akta dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya
56. Menerima masuk pelajar
57. Majlis Perwakilan Pelajar
58. Penubuhan badan pelajar lain
59. Perbuatan yang melampaui had kuasa Perlembagaan MPP atau sesuatu badan pelajar
60. Kuasa untuk mewakili
61. Pelucutan ijazah, dsb., atas alasan salah laku
62. Pertikaian mengenai pemilihan diputuskan oleh Menteri
63. Pemansuhan

## **BAHAGIAN VII**

### **PERUNTUKAN KECUALIAN DAN PERALIHAN**

64. Tafsiran
65. Keesahan tindakan oleh Universiti
66. Hak, dsb. Pihak Berkuasa tidak terjejas
67. Kuasa yang diwakilkan
68. Kecualian statut, dsb.
69. Penerusan perkhidmatan
70. Pelajar Universiti
71. Penerusan Kesatuan dan badan pelajar lain

JADUAL (Subseksyen 16(3))

1. Hilang kelayakan
2. Terhenti menjadi ahli
3. Peletakan jawatan
4. Pengisian kekosongan
5. Elaun
6. Pihak Berkuasa boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat
7. Minit
8. Pendedahan kepentingan
9. Keesahan perbuatan dan prosiding

## **AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

### **PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 8 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Yang di-Pertuan Agong menetapkan 1 Januari 2011 sebagai tarikh peruntukan-peruntukan Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis yang ditubuhkan di bawah Perintah Universiti Malaysia Perlis (Pemerbadanan) 2007 [*P.U. (A) 23/2007*], sebagaimana yang ditetapkan di bawah ini hendaklah mula berkuat kuasa.

#### **Nama**

1. Perlembagaan ini bolehlah dinamakan **Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis**.

#### **Tafsiran**

2. (1) Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*];

“Alumni Universiti” ertinya Alumni Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 29;

“guru” ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan ini, dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, fellow, penolong profesor, reader, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan matrikulasi, dan tutor;

“Konvokesyen” ertinya Konvokesyen yang diadakan mengikut seksyen 52;

“Kursi” ertinya jawatan profesor sebagai pemegang Kursi;

“Pegawai” ertinya Canselor, Pro-Canselor, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, ketua Kampus Cawangan, Dekan Fakulti, ketua Sekolah, Pusat, Akademi

atau Institut, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, atau pemegang apa-apa jawatan yang diwujudkan oleh statut atau selainnya;

“pekerja Universiti” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan ini dan mana-mana statut dan termasuklah pegawai dan guru;;

“Persatuan Siswazah” ertinya Persatuan yang ditubuhkan mengikut seksyen 29;

“Pihak Berkuasa” ertinya mana-mana Pihak Berkuasa Universiti yang disebut dalam seksyen 16, dan termasuk mana-mana Pihak Berkuasa yang ditubuhkan menurut Statut;

“statut”, “kaedah-kaedah” dan “peraturan-peraturan” ertinya apa-apa statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibuat mengikut Perlembagaan ini;

“Universiti” ertinya Universiti Malaysia Perlis;

(2) Sebutan dalam Perlembagaan ini mengenai sesuatu seksyen, subseksyen, perenggan dan subperenggan ialah sebutan mengenai sesuatu seksyen, subseksyen, perenggan dan subperenggan dalam Perlembagaan ini.

## BAHAGIAN I

### UNIVERSITI

#### **Kewujudan berterusan Universiti sebagai pertubuhan perbadanan**

3. (1) Universiti Malaysia Perlis ialah pertubuhan perbadanan yang sama yang ditubuhkan dan diperbadankan di bawah Perintah Universiti Malaysia Perlis (Pemerbadanan) 2007 [*P.U. (A) 23/2007*] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis [*P.U. (A) 25/2007*].

(2) Walaupun Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis dimansuhkan oleh seksyen 63, pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan dibawah Perlembagaan yang dimansuhkan di bawah nama “Universiti Malaysia Perlis” dan Canselor, Pro-Canselor, Naib Canselor, Lembaga dan Senat yang ditubuhkan dalamnya hendaklah terus wujud di bawah dan tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini.



(3) Universiti Malaysia Perlis hendaklah kekal turun-temurun, dan terus mempunyai kuasa penuh di bawah nama itu—

- (a) untuk membawa guaman dan dibawa guaman dalam semua mahkamah;
- (b) untuk mempunyai dan menggunakan suatu meterai perbadanan dan dari semasa ke semasa memecahkan, menukar, mengubah dan membaharui meterai itu sebagaimana yang difikirkannya patut;
- (c) bagi maksud Perlembagaan ini, dan tertakluk kepada statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan untuk membeli apa-apa harta sama ada harta alih atau harta tak alih dan mengambil, menerima dan memegang apa-apa harta tersebut yang akan terletak hak padanya oleh sebab pembelian itu, atau menurut apa-apa pertukaran, pemberian, derma, pajakan, pemberian berwasiat atau selainnya;
- (d) untuk menjual, menggadaijanjikan, memajakkan, menukar atau selainnya melupuskan mana-mana harta itu; dan
- (e) untuk menjalankan dan melaksanakan mengikut peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan semua kuasa dan kewajipan yang diberikan atau ditanggungkan ke atas Universiti oleh peruntukan itu.

#### **Kuasa Universiti**

4. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, Universiti hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

- (a) menyediakan kursus pengajaran, mengadakan peperiksaan, membuat peruntukan untuk penyelidikan, dan mengambil apa-apa langkah lain yang didapati perlu atau mustahak untuk memajukan dan menyebarkan pengetahuan;

- (b) menerima masuk pelajar dari dalam atau luar Malaysia untuk apa-apa kursus pengajian yang diluluskan oleh Universiti;
- (c) memberikan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain termasuk ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik luar yang lain kepada pelajar yang telah mengikuti kursus pengajian yang telah diluluskan dan telah memenuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah;
- (d) mengiktiraf ijazah dan diploma institusi pengajian tinggi yang lain, bagi maksud memasuki kursus pengajian dan peperiksaan Universiti dan juga mengurniakan ijazah yang lebih tinggi kepada pemegang ijazah atau diploma itu atau kepada siswazah Universiti mengikut syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah;
- (e) memberikan ijazah kepada guru Universiti yang telah memenuhi apa-apa kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah;
- (f) memberikan ijazah kehormat kepada orang yang telah memberikan sumbangan terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah berbuat jasa cemerlang kepada awam;
- (g) memberikan sijil kepada orang yang telah mencapai kecekapan dalam mana-mana bidang ilmu;
- (h) mengadakan kursi, jawatan pensyarah, dan jawatan lain dan jabatan, dan membuat pelantikan bagi yang tersebut;
- (i) menubuhkan suatu percetakan Universiti dan menerbitkan buku dan bahan lain;
- (j) mendirikan, melengkapkan dan menyelenggarakan perpustakaan, makmal, muzium, dewan kuliah, bangunan tempat tinggal dan

segala bangunan lain yang dikehendaki bagi maksud Universiti, di dalam atau di luar Malaysia;

- (k) mengadakan dan mengurniakan felowship, biasiswa, bantuan, dermasiswa, pingat, hadiah dan gelaran, kepujian, kurniaan lain dan jenis bantuan lain ke arah kemajuan dan penyebaran pengetahuan;
- (l) melaburkan apa-apa wang yang terletak hak padanya sebagai derma kekal dalam harta tanah atau cagaran (sama ada dibenarkan sebagai pelaburan pemegang amanah atau tidak), sama ada wang itu terletak hak bagi maksud am atau maksud khas, atau apa-apa wang lain yang tidak dikehendaki segera bagi perbelanjaan semasa, dengan mempunyai kuasa untuk mengubah mana-mana pelaburan itu serta menandatangani dari semasa ke semasa apa-apa wang yang pada masa itu tidak dilaburkan dalam mana-mana bank yang ditubuhkan di Malaysia sama ada dalam akaun deposit tetap atau akaun semasa;
- (m) memberikan pinjaman atau pendahuluan kepada pekerja Universiti;
- (n) memberikan pinjaman atau bantuan kewangan kepada pelajar yang patut menerimanya atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga;
- (o) menjalankan penyelidikan dan mengkomersilkan hasil dan dapatan penyelidikan;
- (p) membuat kontrak dan menubuhkan apa-apa tabung amanah sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud Universiti dan melantik pekerja Universiti bagi maksud itu;
- (q) melantik dan menaikkan pangkat pekerja Universiti dan menimbangrayuan daripada mana-mana orang yang terkilan dengan penjalanan kuasa melantik dan menaikkan pangkat itu;

- (r) mengawal selia syarat perkhidmatan pekerja Universiti, termasuk skim perkhidmatan, tangga gaji, peminjaman, pertukaran, cuti dan tatatertib;
- (s) menubuhkan skim pencen atau skim persaraan atau skim kumpulan wang simpanan bagi faedah pekerja Universiti, dan membuat perkiraan dengan pertubuhan atau orang lain bagi menubuhkan skim itu;
- (t) membuat peraturan-peraturan dan peruntukan bagi tempat tinggal, kebajikan dan tatatertib pelajar dan pekerja Universiti;
- (u) menuntut dan menerima apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah; dan
- (v) melakukan segala perbuatan dan perkara lain, sama ada bersangkutan atau tidak dengan kuasa yang tersebut di atas itu, sebagaimana yang diperlukan untuk memajukan pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tatatertib di Universiti.

(2) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati, dengan tujuan hendak mengekalkan dan memajukan perhubungan luar negeri Malaysia, adalah perlu supaya suatu ijazah kehormat dikurniakan kepada seseorang pembesar luar negeri, atas arahan Yang di-Pertuan Agong, Universiti hendaklah mengurniakan ijazah itu sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, kuasa di bawah subseksyen (1) boleh dijalankan oleh Lembaga, kecuali kuasa di bawah perenggan (1)(a), (b), (c), (d), (e), (g), (k) dan (o) yang hendaklah dijalankan oleh Senat.

### **Kuasa tambahan Universiti**

5. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan—

- (a) jika didapati perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan penunaian fungsi, perjalanan kuasa dan pelaksanaan

aktiviti Universiti, menyertai penyertaan ekuiti, perkongsian, usaha sama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan yang lain bersama-sama dengan, atau selainnya—

- (i) sesuatu perusahaan, syarikat, pengusahaan swasta atau sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;
  - (ii) Kerajaan Persekutuan atau Negeri;
  - (iii) sesuatu badan atau pihak berkuasa awam;
  - (iv) sesuatu suruhanjaya; atau
  - (v) seseorang;
- (b) menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Universiti;
- (c) menubuhkan perbadanan untuk menjalankan dan bertanggungjawab ke atas, mengendalikan dan menguruskan apa-apa harta, projek, skim atau perusahaan yang pada pendapat Lembaga adalah bermanfaat dan berfaedah kepada Universiti;
- (d) meminjam atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Universiti bagi menjelaskan tanggungannya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya;
- (e) mendapatkan pinjaman di bawah perenggan (d) melalui penerbitan bon, debentur atau saham debentur dalam apa-apa kelas dan nilai atau menggadaikan, menggadaijanjikan, menyandarkan atau selainnya mengadakan lien ke atas harta alih

atau tak alihnya, atas apa-apa terma yang difikirkan suai manfaat oleh Lembaga;

- (f) memperoleh dan memegang sebagai pelaburan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan dan sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh—
  - (i) mana-mana syarikat atau pengusahaan swasta atau mana-mana sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;
  - (ii) Kerajaan Persekutuan atau Negeri;
  - (iii) sesuatu pemerintah berdaulat;
  - (iv) sesuatu suruhanjaya; dan
  - (v) sesuatu badan atau pihak berkuasa awam;
- (g) memperoleh syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti yang disebut dalam perenggan (f) melalui langganan asal, tender, pembelian, pindah hakmilik, pertukaran atau selainnya;
- (h) menjalankan dan pada amnya menguatkuasakan segala hak dan kuasa yang diberikan melalui atau bersampingan dengan pemunyaan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti yang disebut dalam perenggan (f) dan khususnya untuk menjual, memindahkan hakmilik, menukarkan atau selainnya melupuskan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti itu; dan
- (i) membeli, memajak atau menyewa atau selainnya memperoleh dan melabur dalam apa-apa harta tanah dan harta diri yang difikirkan perlu atau sesuai bagi mana-mana maksud Universiti.

(2) Seksyen 6 hendaklah terpakai bagi perbadanan yang ditubuhkan di bawah perenggan (1)(c).

**Peruntukan yang berhubungan dengan perbadanan**

6. (1) Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh tertubuhnya mana-mana perbadanan di bawah perenggan 5 (1)(c), menetapkan melalui peraturan-peraturan—

- (a) maksud dan tujuan yang baginya perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Universiti dan hak kawalan oleh Lembaga ke atas perbadanan itu.

(2) Apa-apa peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikat perbadanan yang berkenaan dengannya peraturan-peraturan itu dibuat dan hendaklah mempunyai kuat kuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu dibuat di bawah Perlembagaan ini.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan, atau menambah, mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat berkenaan dengan mana-mana perbadanan di bawah subseksyen (1).

(4) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan, mengarahkan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(5) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah subseksyen (4), aset perbadanan itu hendaklah dipindahkan hakmiliknya kepada dan diletakhakkan pada Universiti selepas dijelaskan segala tanggungannya.

(6) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah subseksyen (4) hendaklah dijalankan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Lembaga melalui peraturan-peraturan.

(7) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(8) Tiap-tiap Perbadanan yang ditubuhkan di bawah perenggan 5 (1)(c)—

- (a) hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Lembaga kepada perbadanan itu;
- (b) hendaklah kekal turun-temurun;
- (c) hendaklah mempunyai meterai perbadanan;
- (d) boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas nama perbadanannya;
- (e) boleh membuat kontrak;
- (f) boleh memegang, dan membuat apa-apa urusan mengenai atau dengan, apa-apa harta alih atau tak alih; dan
- (g) boleh membuat segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak tak konsisten dengan Perlembagaan ini,

tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang dinyatakan oleh Lembaga dalam setiap hal.

(9) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi apa-apa tanda yang ditentukan oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga.

(10) Meterai perbadanan itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu oleh perbadanan, sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga.



(11) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan di bawah subseksyen (9) suatu cap yang mengandungi nama perbadanan melingkungi huruf “UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS” boleh digunakan sebagai meterai perbadanannya.

(12) Meterai perbadanan, atau cap yang disebut dalam subseksyen (11) hendaklah disimpan dalam jagaan mana-mana orang yang diarahkan oleh perbadanan dan hendaklah disahkan oleh orang itu.

(13) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai telah dimeteraikan dengan meterai itu, yang disahkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (12) hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(14) Apa-apa dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan dengan cara yang serupa oleh perbadanan; dan dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pekerja perbadanan yang diberi kuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(15) Meterai tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

### **Penjalanan pengajian, dsb., bersama-sama, dsb., dengan mana-mana universiti**

7. Universiti boleh, dengan kelulusan Menteri, menjalankan apa-apa kursus pengajian atau program latihan secara bersesama atau dengan bersama-sama, gabungan, usaha sama atau selainnya, dengan mana-mana universiti atau institusi pelajaran tinggi atau institusi pelajaran atau organisasi lain di dalam atau di luar Malaysia.

### **Pembezaan kerana ras dan kepercayaan dilarang**

8. Tertakluk kepada Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, keanggotaan Universiti, sama ada sebagai pekerja atau pelajar Universiti, adalah terbuka kepada semua orang tidak kira jantina, ras, agama, bangsa atau kelas; dan tiada apa-apa ujian

mengenai kepercayaan atau penganutan agama boleh dilakukan atau diadakan untuk mengehakkan seseorang menjadi anggota atau untuk mengurniakan kepada seseorang apa-apa ijazah atau diploma Universiti, dan juga tiada apa-apa jua fellowship, biasiswa, bantuan, dermasiswa, pingat, hadiah atau kepujian atau kurniaan lain boleh dihadkan kepada orang daripada sesuatu ras, agama, bangsa atau kelas yang tertentu jika belanja baginya dibayar daripada wang am Universiti.

### **Meterai Universiti**

9. (1) Meterai perbadanan Universiti adalah meterai yang diluluskan oleh Canselor atas syor Lembaga dan dengan cara diluluskan demikian itu juga meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu.

(2) Meterai perbadanan Universiti hendaklah disimpan dalam jagaan Naib Canselor.

(3) Meterai perbadanan Universiti tidak boleh dicapkan pada apa-apa jua surat cara kecuali di hadapan—

(a) Naib Canselor; dan

(b) seorang lagi ahli Lembaga,

yang hendaklah menandatangani surat cara itu sebagai tanda menunjukkan meterai itu dicapkan di hadapan mereka dan tandatangan itu adalah menjadi keterangan yang cukup bahawa meterai itu telah dicapkan dengan sempurna dan sepatutnya dan bahawa meterai itu adalah meterai Universiti yang sah.

(4) Jika surat cara yang disebut dalam subseksyen (3) ialah skrol suatu ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik lain, meterai perbadanan Universiti hendaklah dicapkan padanya di hadapan Naib Canselor atau seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Naib Canselor.

(5) Meterai Universiti hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

(6) Apa-apa suratan atau surat cara yang (jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan) tidak dikehendaki dimeteraikan

boleh disempurnakan dengan cara yang demikian itu oleh Universiti dengan syarat bahawa suratan atau surat cara itu hendaklah disempurnakan bagi pihak Universiti oleh seorang pegawai atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Lembaga.

## BAHAGIAN II

### PEGAWAI UNIVERSITI

#### **Canselor**

**10.** (1) Seorang Canselor hendaklah menjadi ketua Universiti dan hendaklah mempengerusikan mana-mana Konvokesyen apabila menghadirinya dan hendaklah mempunyai apa-apa kuasa lain dan melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh Perlembagaan ini atau mana-mana statut, kaedah atau peraturan.

(2) Canselor hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri, selama sesuatu tempoh tidak lebih daripada tujuh tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(3) Canselor boleh, dengan mengutus surat yang ditandatangani kepada Yang di-Pertuan Agong, meletakkan jawatannya, atau dia boleh dipecat oleh Yang di-Pertuan Agong.

(4) Seseorang layak dilantik semula bagi jawatan Canselor.

#### **Pro-Canselor**

**11.** (1) Canselor boleh melantik, atas nasihat Menteri, orang yang difikirkannya patut sebagai Pro-Canselor.

(2) Jika oleh sesuatu sebab Canselor tidak berupaya menjalankan mana-mana daripada fungsinya di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, dia boleh membenarkan mana-mana Pro-Canselor menjalankan fungsi itu bagi pihaknya.

(3) Tiap-tiap Pro-Canselor hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang diperkenankan oleh Canselor.

### **Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor**

**12.** (1) Maka hendaklah ada seorang Naib Canselor yang hendaklah dilantik oleh Menteri atas nasihat jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4A Akta dan selepas berunding dengan Lembaga.

(2) Naib Canselor hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Lembaga dan Senat.

(3) Naib Canselor hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif dan hendaklah bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik dan pengurusan dan hal ehwal hari ke hari Universiti.

(4) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, Naib Canselor hendaklah menjalankan pengawasan am ke atas semua peraturan mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tatatertib di Universiti, dan boleh menjalankan apa-apa kuasa lain sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan ini dan mana-mana statut, kaedah atau peraturan-peraturan.

(5) Tempoh jawatan dan syarat lain perkhidmatan bagi Naib Canselor hendaklah ditetapkan oleh Menteri, selepas berunding dengan Lembaga dan Universiti hendaklah terikat dengannya.

(6) Hendaklah ada sekurang-kurangnya seorang Timbalan Naib Canselor; Timbalan Naib Canselor atau Timbalan-Timbalan Naib Canselor, mengikut mana-mana berkenaan, hendaklah dilantik oleh Menteri atas nasihat jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4A Akta dan selepas berunding dengan Naib Canselor, dan mana-mana orang yang layak dan patut boleh dilantik sedemikian sama ada dari dalam atau luar Universiti; had jawatan dan syarat lain perkhidmatan seseorang Timbalan Naib Canselor hendaklah ditetapkan oleh Menteri selepas berunding dengan Naib Canselor, dan Universiti hendaklah terikat dengannya.

(7) Jika bagi sesuatu tempoh yang lama Naib Canselor tidak berupaya oleh sebab sakit, cuti atau apa-apa sebab lain untuk menjalankan mana-mana daripada fungsi jawatannya, Timbalan Naib Canselor atau, jika ada lebih daripada seorang Timbalan Naib Canselor, mana-mana seorang daripada mereka sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri hendaklah menjalankan fungsi itu; dan jika sekiranya Timbalan Naib Canselor atau semua Timbalan Naib Canselor (jika lebih daripada seorang) tidak ada atau hilang upaya, Menteri hendaklah membuat apa-apa perkiraan sementara sebagaimana yang difikirkannya patut bagi penjalanan fungsi itu.

### **Ketua Kampus Cawangan**

**13.** (1) Jika terdapat suatu Kampus Cawangan, maka hendaklah ada seorang Ketua Kampus Cawangan yang hendaklah dilantik oleh Menteri, atas nasihat jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4A Akta dan selepas berunding dengan Naib Canselor.

(2) Ketua Kampus Cawangan boleh dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(3) Tempoh jawatan dan syarat lain perkhidmatan Ketua Kampus Cawangan hendaklah ditentukan oleh Menteri, selepas berunding dengan Naib Canselor.

(4) Ketua Kampus Cawangan hendaklah menjadi pegawai eksekutif, pegawai pentadbiran dan pegawai akademik utama Kampus Cawangan itu dan hendaklah melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajipannya di bawah arahan dan kawalan Naib Canselor.

### **Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang**

**14.** (1) Seorang Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah berkhidmat sebagai pegawai sepenuh masa Universiti dan yang mempunyai kuasa dan kewajipan sebagaimana yang ditetapkan oleh Statut.

(2) Jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang boleh dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut nasihat Jawatankuasa Pemilihan.

(4) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, syarat pelantikan bagi Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah ditetapkan oleh Lembaga.

(5) Seseorang yang dilantik sebagai Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan apabila tempoh itu habis, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang itu adalah layak untuk dilantik semula.

(6) Seseorang yang dilantik sebagai Ketua Pustakawan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.

(7) Pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

### **Pegawai lain**

15. Universiti boleh melantik pegawai lain sebagaimana yang ditetapkan oleh statut.

## **BAHAGIAN III**

### **PIHAK BERKUASA UNIVERSITI**

#### **Pihak Berkuasa**

16. (1) Pihak Berkuasa Universiti ialah Lembaga, Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti atau dengan apa-apa jua nama ia disebut, Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut, Jawatankuasa Pengajian, Jawatankuasa Pemilihan, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Aduan Pelajar dan badan yang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Statut sebagai Pihak Berkuasa Universiti.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, keanggotaan, kuasa dan tatacara bagi Pihak Berkuasa itu hendaklah ditetapkan oleh statut.

(3) Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi ahli Pihak Berkuasa.

### **Lembaga Pengarah**

17. (1) Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada—

- (a) Pengerusi;
- (b) Naib Canselor;
- (c) dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;
- (d) seorang yang mewakili masyarakat di tempat terletakinya Universiti itu;
- (e) seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam perenggan 22(1)(d); dan
- (f) lima orang yang terdiri daripada tiga orang daripada sektor swasta, seorang daripada alumni Universiti dan seorang lagi dari dalam atau luar Universiti yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga.

(2) Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli *ex-officio* Lembaga tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Lembaga.

(3) Tertakluk kepada kelulusan Menteri, setiap ahli yang dilantik di bawah perenggan (1)(c) boleh melantik seorang ahli silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Lembaga jika ahli itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(4) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang ahli silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai ahli Lembaga.

### **Peruntukan yang berhubungan dengan Lembaga**

**18.** (1) Pelantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tiga tahun dan apabila habis tempoh itu ahli Lembaga itu layak dilantik semula.

(2) Tempoh ahli yang dilantik di bawah perenggan 17(1)(e) hendaklah bagi selama tempoh keanggotaannya dalam Senat.

(3) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

(4) Pengerusi dan empat ahli lain tidak termasuk ahli *ex-officio* Lembaga hendaklah membentuk kuorum bagi apa-apa mesyuarat Lembaga.

(5) Ahli Lembaga hendaklah dibayar apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(6) Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Lembaga boleh menentukan tatacaranya sendiri.

### **Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

**19.** (1) Menteri boleh melantik mana-mana ahli Lembaga, selain Naib Canselor, untuk menjalankan fungsi Pengerusi semasa apa-apa tempoh yang Pengerusi kerana apa-apa sebab tidak dapat menjalankan fungsinya atau semasa apa-apa tempoh kekosongan dalam jawatan Pengerusi.

(2) Seseorang ahli yang dilantik sebagai Pengerusi di bawah subseksyen (1) hendaklah, dalam tempoh dia menjalankan fungsi Pengerusi, di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

### **Fungsi dan kuasa Lembaga**

**20.** (1) Lembaga hendaklah menjadi badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan ini atau statut,



kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain Universiti.

(2) Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung dengan apa-apa perkara dalam kuasa Senat, tetapi Lembaga boleh menghantar pendapatnya kepada Senat mengenai apa-apa perkara dalam kuasa Senat, bagi pertimbangan Senat.

(3) Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah—

- (a) mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi Universiti;
- (b) menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi Universiti;
- (c) membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;
- (d) memupuk hubungan global dan keantarabangsaan berhubung dengan pelajaran tinggi dan penyelidikan;
- (e) memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak Berkuasa, Jawatankuasa, Pegawai atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.

### **Jawatankuasa Lembaga**

21. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Lembaga hendaklah memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa.

(4) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Pelantikan mana-mana ahli sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga, dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

(6) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis yang ditujukan kepada Pengerusi Lembaga.

(7) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keahlian sesuatu jawatankuasa.

(8) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Lembaga.

(9) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.

(10) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan—

(a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga secepat yang dapat dilaksanakan.

(11) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(12) Ahli sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (11) boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(13) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

## **Senat**

**22.** (1) Senat hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) semua Timbalan Naib Canselor;
- (c) semua Dekan Fakulti dan semua Ketua Kampus Cawangan, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti;
- (d) tidak lebih daripada dua puluh orang profesor sepenuh masa yang dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor dan profesor madya sepenuh masa Universiti; dan
- (e) tidak lebih daripada lima orang daripada Universiti yang hendaklah diko-opt oleh Naib Canselor selama tiga tahun.

(2) Senat boleh dari semasa ke semasa mengundang mana-mana orang, termasuk mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat Senat.

(3) Dalam masa ketidakhadiran Naib Canselor, seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah mempengerusikan mesyuarat Senat.

(4) Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli *ex-officio* tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Senat.

(5) Senat adalah menjadi badan akademik bagi Universiti dan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan,

berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain.

(6) Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah subseksyen 4(3) dan subseksyen (5), Senat hendaklah melaksanakan fungsi yang berikut dan menjalankan kuasa yang berikut:

- (a) untuk menubuhkan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut, dan jabatan, unit atau badan di bawah Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu;
- (b) dengan keizinan Lembaga, untuk memberikan ijazah kehormat kepada orang yang telah menyumbang terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan, atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang;
- (c) untuk membentuk dasar dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, peperiksaan, penyelidikan, biasiswa dan latihan yang dijalankan di dalam, oleh atau dari Universiti;
- (d) untuk memastikan standard pendidikan dalam kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti;
- (e) untuk menentukan kebolehlaksanaan atau selainnya apa-apa cadangan berkenaan dengan apa-apa kurikulum atau kursus pengajian yang dijalankan atau hendak dijalankan di dalam, oleh atau dari Universiti;
- (f) untuk menentukan kelayakan yang dikehendaki bagi diterima masuk ke dalam mana-mana kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti;
- (g) untuk mengawal selia perjalanan penilaian dan peperiksaan, mengesahkan keputusan peperiksaan dan menentukan rayuan;

- (h) untuk menggubal dasar bagi melindungi kebebasan akademik dan kecemerlangan profesional; dan
- (i) untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Perlembagaan ini.

(7) Dalam melaksanakan kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya, Senat boleh mewakili mana-mana daripada kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya kepada ahlinya atau sesuatu jawatankuasa yang terdiri daripada ahlinya.

(8) Senat hendaklah mempertimbangkan apa-apa perkara yang dihantar kepadanya oleh Lembaga di bawah subseksyen 20(2).

(9) Apa-apa pertikaian antara Senat dengan Lembaga mengenai ruang lingkup dan takat fungsi atau kuasa mereka boleh dirujukkan oleh salah satu pihak kepada Menteri mengikut seksyen 33.

### **Jawatankuasa Pengurusan Universiti**

**23.** (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang hendaklah terdiri daripada:

- (a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi pengerusi;
- (b) semua Timbalan Naib Canselor;
- (c) Pendaftar;
- (d) Bursar;
- (e) Ketua Pustakawan;
- (f) Penasihat Undang-Undang; dan
- (g) mana-mana pegawai lain Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor.

(2) Jawatankuasa Pengurusan Universiti hendaklah menasihati Naib Canselor berhubung dengan fungsi pentadbiran dan pengurusannya.

**Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut**

**24.** (1) Universiti hendaklah dibahagikan kepada beberapa Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut mengikut namanya masing-masing sebagaimana yang ditetapkan oleh Statut.

(2) Universiti boleh, selepas berunding dengan Jawatankuasa Pengajian, menubuhkan jabatan atau unit atau badan lain berkenaan dengan sesuatu Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut.

(3) Sesuatu Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut hendaklah bertanggungjawab kepada Senat atas penyusunan pengajaran dalam mata pelajaran mengenai pengajian dalam bidang kuasa Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan boleh menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.

(4) Naib Canselor hendaklah, selepas berunding dengan guru setiap Fakulti, melantik seorang Dekan bagi tiap-tiap satu Fakulti dan sekurang-kurangnya seorang Timbalan Dekan. Lembaga hendaklah dimaklumkan tentang pelantikan itu secepat yang mungkin. Dekan itu hendaklah menjadi pengerusi Fakulti itu dan hendaklah menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan; dan jika Dekan tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya oleh sebab bercuti atau apa-apa sebab lain, adalah sah bagi Timbalan Dekan atau mana-mana pegawai kanan lain yang dilantik oleh Naib Canselor untuk menjalankan kewajipan Dekan itu selama tempoh Dekan itu tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya.

(5) Naib Canselor hendaklah, selepas berunding dengan guru setiap Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut, melantik seorang ketua bagi tiap-tiap satu Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut dan boleh melantik sekurang-kurangnya seorang timbalan ketua. Lembaga hendaklah dimaklumkan tentang pelantikan itu secepat yang mungkin. Ketua atau timbalan ketua itu hendaklah diberi gelaran sebagaimana yang

ditetapkan oleh statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan; dan jika ketua itu tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya oleh sebab bercuti atau apa-apa sebab lain, adalah sah bagi timbalan ketua atau mana-mana pegawai kanan lain yang dilantik oleh Naib Canselor boleh, untuk menjalankan kewajipan ketua itu selama tempoh ketua itu tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya.

(6) Seseorang yang dilantik di bawah subseksyen (4) atau (5) mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilantik selama tempoh tidak lebih daripada empat tahun, tetapi adalah layak dilantik semula.

(7) Walau apa pun subseksyen (6), Naib Canselor boleh, jika difikirkannya patut, membatalkan apa-apa pelantikan yang dibuat di bawah subseksyen (4) atau (5) pada bila-bila masa dalam tempoh pelantikan itu.

### **Jawatankuasa Pengajian**

**25.** Suatu Jawatankuasa Pengajian boleh dilantik oleh Senat bagi salah satu maksud yang berikut :

- (a) untuk menguruskan perkara mengenai mana-mana Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut; dan
- (b) untuk menimbangkan cadangan yang dirujuk kepada Senat bagi penubuhan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut yang baru,

dan dalam mana-mana satu hal, Jawatankuasa Pengajian hendaklah membuat laporan mengenainya kepada Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut, atau kepada Senat, mengikut kehendak keadaan.

### **Jawatankuasa Pemilih**

**26.** (1) Jawatankuasa Pemilih bagi maksud pelantikan ke sesuatu Kursi dan pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan profesor kanan, profesor dan pegawai disebut dalam seksyen 14 hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi pengerusi;

- (b) dua ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;
- (c) Dekan Fakulti atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya Kursi itu diuntukkan; dan
- (d) dua ahli Senat yang dilantik oleh Senat.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (3) Jawatankuasa Pemilihan hendaklah dipanggil bermesyuarat oleh Naib Canselor dan mesyuarat itu hendaklah dipengerusikan oleh Naib Canselor.

(3) Apabila dibuat keputusan untuk mengisi sesuatu jawatan kecuali jawatan bagi sesuatu Kursi dan pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan profesor kanan, profesor dan pegawai yang disebut dalam seksyen 14, Lembaga boleh, atas syor Naib Canselor, melantik Jawatankuasa Pemilihan yang berlainan bagi pelantikan yang berlainan dan Jawatankuasa Pemilihan yang dipanggil bermesyuarat bagi maksud itu hendaklah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor atau seorang pegawai kanan Universiti yang lain atau, jika Timbalan Naib Canselor atau pegawai kanan Universiti itu tidak ada atas apa-apa alasan, oleh seorang ahli yang dipilih oleh ahli yang hadir dalam mesyuarat itu.

(4) Jika Timbalan Naib Canselor atau pegawai kanan yang disebut dalam subseksyen (3) tidak hadir bagi maksud mesyuarat yang dipengerusikannya di bawah subseksyen (3) dan bagi maksud keputusan yang dibuat dalam mesyuarat itu, Timbalan Naib Canselor atau pegawai kanan itu hendaklah disifatkan sebagai hadir bagi mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan itu.

(5) Penyertaan pakar luar dalam membuat pelantikan boleh ditetapkan oleh statut.

## **27. Dipotong P.U.(A)405**

### **Jawatankuasa Kebajikan Pelajar**

**28.** (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Kebajikan Pelajar yang hendaklah terdiri daripada—



- (a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi pengerusi;
- (b) dua orang ahli yang dipilih oleh Majlis Perwakilan Pelajar; dan
- (c) mana-mana ahli lain yang dilantik oleh Lembaga.

(2) Jawatankuasa Kebajikan Pelajar hendaklah mempunyai kuasa sebagaimana yang ditetapkan oleh Statut.

### **Jawatankuasa Aduan Pelajar**

**28A.** (1) Jawatankuasa Aduan Pelajar ditubuhkan yang hendaklah terdiri daripada –

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi pengerusi;
- (b) dua orang ahli yang dipilih oleh Majlis Perwakilan Pelajar;
- (c) dua orang ahli yang dipilih oleh Persatuan Siswazah atau Alumni Universiti; dan
- (d) dua orang pegawai lain Universiti yang dilantik oleh Lembaga selepas mengambil kira dengan sewajarnya kepentingan untuk menjamin suatu Jawatankuasa Aduan Pelajar mendapat keyakinan pelajar.

(2) Jawatankuasa Aduan Pelajar hendaklah mempunyai apa-apa kuasa dalam menjalankan siasatan atau inkuiri ke atas apa-apa aduan yang dibuat oleh pelajar mengikut cara yang ditetapkan oleh statut.

### **Persatuan Siswazah atau Alumni Universiti**

**29.** (1) Tertakluk kepada kelulusan Lembaga, adalah sah bagi seramai tidak kurang daripada tiga puluh orang siswazah Universiti menubuhkan suatu persatuan yang dinamai Persatuan Siswazah atau Alumni Universiti.

(2) Persatuan Siswazah atau Alumni Universiti hendaklah dikelolakan dan ditadbirkan mengikut perlembagaannya dan kaedah-kaedah yang dibuat olehnya tetapi

tiada sesuatu perlembagaan tersebut atau kaedah-kaedah yang dibuat itu atau apa-apa pindaannya boleh berkuat kuasa melainkan dan sehingga ia telah diluluskan terlebih dahulu oleh Lembaga.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menjadikan Persatuan Siswazah atau Alumni Universiti itu suatu Pihak Berkuasa bagi Universiti atau sebagai memberikan apa-apa kuasa kepadanya untuk memilih, sebagai wakilnya kepada Lembaga, orang yang pada masa itu bekerja dengan Universiti sebagai guru atau pegawai.

### **Tempoh jawatan bagi ahli Pihak Berkuasa**

**30.** (1) Kecuali sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan ini atau oleh mana-mana statut, tempoh jawatan bagi seseorang yang dipilih atau dilantik sebagai ahli sesuatu Pihak Berkuasa, kecuali ahli *ex-officio*, ialah tiga tahun:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika orang itu dipilih atau dilantik kerana dia memegang sesuatu jawatan atau kerana dia seorang ahli bagi sesuatu Pihak Berkuasa atau badan yang lain, dia hendaklah terhenti menjadi ahli Pihak Berkuasa itu jika sebelum habis tempoh jawatannya itu dia berhenti memegang jawatan itu atau menjadi ahli Pihak Berkuasa atau badan itu; dan
- (b) seseorang yang terhenti apabila habis tempoh jawatannya boleh dipilih atau dilantik semula jika layak.

(2) Jika seseorang menjadi ahli *ex-officio* sesuatu Pihak Berkuasa, seseorang yang dilantik untuk memegang jawatannya itu hendaklah juga menjadi ahli *ex-officio* Pihak Berkuasa itu selagi dia memegang jawatan itu dan layak.

(3) Keputusan sesuatu Pihak Berkuasa adalah sah walaupun ada kekosongan antara ahlinya.

### **Mesyuarat**

**31.** (1) Pihak Berkuasa hendaklah mengadakan mesyuarat sebagaimana yang dan apabila dikehendaki berbuat demikian oleh pengerusi Pihak Berkuasa itu.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Pihak Berkuasa dan semasa ketiadaannya ahli Pihak Berkuasa itu hendaklah melantik salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Kuorum bagi mesyuarat Pihak Berkuasa, selain Lembaga, hendaklah ditentukan oleh Statut.

### **Lebih suara**

**32.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan kepada mana-mana Statut, Kaedah-Kaedah atau Peraturan-Peraturan, sesuatu soal dalam sesuatu mesyuarat mana-mana Pihak Berkuasa hendaklah diputuskan mengikut kelebihan undi ahli yang hadir.

(2) Pengerusi Pihak Berkuasa dan tiap-tiap ahli hendaklah mempunyai dan boleh menggunakan satu undi setiap seorang, tetapi dalam keadaan bilangan undi sama banyak, pengerusi atau ahli yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai dan boleh menggunakan undi pemutus.

### **Pertikaian**

**33.** (1) Apa-apa pertikaian antara Pihak Berkuasa, atau antara seseorang pegawai dengan suatu Pihak Berkuasa mengenai ruang lingkup dan takat kuasa, fungsi atau bidang kuasanya boleh dirujuk oleh salah satu pihak kepada Menteri dan Menteri boleh memutuskan pertikaian itu sendiri atau melantik suatu Panel Penyelesaian Pertikaian untuk memutuskan pertikaian itu.

(2) Panel Penyelesaian Pertikaian hendaklah ditubuhkan daripada kalangan orang ternama dari dalam atau luar Universiti yang bukan pegawai, pekerja atau ahli Pihak Berkuasa yang berkenaan.

(3) Panel Penyelesaian Pertikaian hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi dan dua orang ahli lain.

(4) Panel Penyelesaian Pertikaian hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

(5) Keputusan Panel Penyelesaian Pertikaian adalah muktamad dan konklusif dan hendaklah mengikat pihak-pihak kepada pertikaian itu.

#### BAHAGIAN IV

#### STATUT, KAEDAH-KAEDAH DAN PERATURAN-PERATURAN

##### **Statut**

**34.** Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, Statut boleh dibuat untuk menguruskan mana-mana atau segala perkara yang berikut:

- (a) kuasa dan kewajipan pegawai Universiti;
- (b) keanggotaan, kuasa, kewajipan dan tatacara Pihak Berkuasa Universiti;
- (c) cara pelantikan dan syarat perkhidmatan bagi pegawai dan guru Universiti, kecuali yang berhubungan dengan tatatertib mereka;
- (d) menetapkan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain yang akan diberikan oleh Universiti;
- (e) syarat bagi kemasukan dan tempat tinggal dan kebajikan pelajar;
- (f) pengurusan perpustakaan;
- (g) pengurusan Kampus Cawangan yang terletak di luar Malaysia;
- (h) segala perkara lain yang boleh dikawal selia dengan statut di bawah Perlembagaan ini; dan

- (i) perkara yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada perkara yang tersebut di atas.

**Tatacara bagi membuat, meminda atau membatalkan Statut**

**35.** (1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, Canselor boleh membuat, membatalkan atau meminda mana-mana statut.

(2) Cadangan untuk membuat sesuatu statut baharu, atau membatalkan atau meminda sesuatu statut, hendaklah disediakan oleh Lembaga.

(3) Sesuatu cadangan bagi sesuatu statut baharu, atau bagi apa-apa pindaan atau pembatalan kepada sesuatu statut, mengenai mana-mana perkara yang berikut, iaitu:

- (a) kuasa dan kewajipan Dekan sesuatu Fakulti atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut;
- (b) keanggotaan, kuasa, kewajipan dan tatacara Senat, Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut atau Jawatankuasa Pengajian;
- (c) penetapan ijazah, diploma, dan kepujian akademik lain yang hendak diberikan oleh Universiti;
- (d) pengurusan perpustakaan; dan
- (e) segala perkara lain dalam bidang kuasa Senat di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana statut,

tidak boleh dikemukakan kepada Canselor tanpa keizinan bertulis Senat.

**Kaedah-Kaedah**

**36.** Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan statut, kaedah-kaedah boleh dibuat bagi segala atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) prinsip berkenaan dengan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain;

- (b) bilangan dan ruang lingkup peperiksaan;
- (c) pelantikan, kuasa, kewajipan, saraan dan syarat perkhidmatan bagi pemeriksa dan cara menjalankan peperiksaan;
- (d) penerimaan masuk pelajar dalam peperiksaan, kursus ijazah dan diploma Universiti dan ke tempat tinggal di Universiti;
- (e) cara pelantikan dan syarat perkhidmatan bagi orang yang bekerja dengan Universiti, kecuali yang berhubungan dengan tata tertib mereka;
- (f) menubuhkan dan membuat peraturan mengenai skim pencen, skim persaraan dan skim kumpulan wang simpanan bagi faedah pekerja Universiti atau mana-mana golongan daripada mereka;
- (g) syarat mengenai tempat tinggal dan kebajikan pelajar;
- (h) bayaran yang akan dikenakan bagi kursus pengajian, bagi tempat tinggal, bagi memasuki peperiksaan, bagi ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain dan apa-apa bayaran lain yang boleh dikenakan oleh Universiti;
- (i) pengurusan dewan kuliah, perpustakaan, sumber maklumat, makmal, pusat penyelidikan, bangunan tempat tinggal, dan segala kegiatan cawangan Universiti sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang tidak diperuntukkan dengan khusus dalam Perlembagaan ini atau melalui statut;
- (j) keanggotaan, kuasa dan kewajipan mana-mana jawatankuasa atau badan lain yang tidak diperuntukkan dengan khusus dalam Perlembagaan ini atau oleh statut;
- (k) segala perkara yang boleh, menurut Perlembagaan ini atau mana-mana statut, ditetapkan melalui kaedah-kaedah;
- (l) segala perkara dalam kuasa Universiti dan yang tidak diperuntukkan selainnya oleh Bahagian ini dalam Perlembagaan ini.

**Tatacara bagi membuat, meminda atau membatalkan kaedah-kaedah**

**37.** (1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, Lembaga boleh membuat, meminda atau membatalkan mana-mana kaedah.

(2) Draf mengenai sesuatu kaedah berkenaan dengan—

(a) apa-apa perkara yang disebut dalam perenggan 36(a), (b), (c), (d) dan (i); atau

(b) apa-apa perkara dalam bidang kuasa Senat,

hendaklah dicadangkan oleh Senat; dan Lembaga boleh meluluskan draf itu atau merujukkannya kembali kepada Senat dengan apa-apa pendapat atau cadangan untuk pindaan, dan tiada kaedah-kaedah sedemikian boleh dibuat sehingga Senat telah bersetuju dengannya.

**Peraturan-peraturan**

**38.** (1) Lembaga dan Senat boleh masing-masing membuat peraturan-peraturan mengenai tatacaranya sendiri.

(2) Lembaga boleh selepas berunding dengan Senat membuat peraturan-peraturan mengenai tatacara Jawatankuasa Pemilihan.

(3) Senat boleh membuat peraturan-peraturan mengenai tatacara sesuatu Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut atau Jawatankuasa Pengajian, atau mana-mana jawatankuasa atau badan lain yang tertakluk kepada bidang kuasa Senat.

(4) Senat boleh membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan kursus pengajian atau sukatan pelajaran bagi peperiksaan.

(5) Peraturan-peraturan boleh dibuat oleh mana-mana Pihak Berkuasa jika Pihak Berkuasa itu diberi kuasa oleh Perlembagaan ini, statut atau kaedah-kaedah.

**Menyiarkan statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan**

**39.** (1) Apabila sesuatu statut atau kaedah-kaedah baru dibuat, dipinda atau dibatalkan tiap-tiap statut, kaedah-kaedah, pindaan atau pembatalan itu hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan dengan apa-apa cara lain mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga.

(2) Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan Universiti sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa hendaklah disiarkan dalam bentuk buku mengikut lat tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga, dan naskhahnya hendaklah diadakan untuk dibeli oleh orang awam dengan harga yang berpatutan.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini terpakai bagi—

(a) sesuatu kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang mengandungi hanya arahan kepada pemeriksa atau penyelia peperiksaan; atau

(b) sesuatu kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang, menurut ketetapan Lembaga, tidak akan disiarkan.

**Perlembagaan, pertelingkahan antara statut, dsb.**

**40.** Jika sekiranya—

(a) sesuatu statut berlawanan dengan peruntukan Perlembagaan ini; atau

(b) sesuatu kaedah-kaedah berlawanan dengan peruntukan Perlembagaan ini atau sesuatu statut; atau

(c) sesuatu peraturan-peraturan berlawanan dengan peruntukan Perlembagaan ini atau sesuatu statut atau kaedah,

peruntukan Perlembagaan, statut atau kaedah-kaedah, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai, dan statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah terbatal setakat yang berlawanan itu.



## BAHAGIAN V

### PERUNTUKAN KEWANGAN

#### **Jawatankuasa Tetap Kewangan**

41. Lembaga hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Tetap Kewangan bagi mengatur dan mengawal kewangan Universiti.

#### **Menyediakan anggaran**

42. Adalah menjadi kewajipan mana-mana pegawai atau pegawai Universiti sebagaimana yang ditetapkan oleh statut untuk menyediakan, bagi pertimbangan Naib Canselor, anggaran pendapatan dan perbelanjaan Universiti bagi tiap-tiap satu tahun kewangan.

#### **Tahun kewangan**

43. (1) Bagi maksud Bahagian ini tahun kewangan ialah satu tahun kalendar, atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

(2) Akaun Universiti hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, diimbangkan bagi tahun kewangan yang lalu dan suatu penyata kewangan tahunan atau ringkasannya hendaklah disediakan.

(3) Penyata kewangan tahunan atau ringkasan yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah disediakan mengikut bentuk dan mengandungi maklumat sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

#### **Anggaran tahunan**

44. (1) Lembaga hendaklah, tidak kurang daripada empat bulan sebelum berakhir tahun kewangan, meluluskan anggaran hasil dan perbelanjaan yang lengkap bagi Universiti bagi tahun kewangan yang berikutnya dan mengemukakan anggaran itu, bersama dengan ulasan Lembaga mengenainya, kepada Menteri.

(2) Sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat Lembaga bagi maksud meluluskan anggaran itu, Jawatankuasa Tetap Kewangan hendaklah menyediakan draf anggaran untuk dikemukakan kepada Lembaga, dan satu salinan anggaran itu hendaklah diserahkan kepada setiap seorang ahli Lembaga tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.

(3) Tertakluk kepada peruntukan subseksyen (1), Lembaga boleh, menurut budi bicaranya, meluluskan, mengubahsuaikan atau menolak kesemua atau mana-mana butiran yang terdapat dalam draf anggaran itu atau merujukkan kembali mana-mana butiran itu kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan untuk pertimbangannya atau menambah apa-apa butiran dalam draf anggaran itu.

### **Anggaran tambahan**

**45.** Jika peruntukan kewangan tambahan dikehendaki dalam sesuatu tahun, Lembaga boleh dari semasa ke semasa meluluskan anggaran tambahan bagi maksud menunjukkan punca yang darinya sesuatu perbelanjaan tambahan yang dilakukan olehnya boleh dibayar.

### **Tidak boleh melakukan apa-apa perbelanjaan melainkan termasuk dalam anggaran**

**46.** (1) Lembaga tidak boleh melakukan apa-apa perbelanjaan yang tidak termasuk dalam sesuatu anggaran yang diluluskan:

Dengan syarat bahawa tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini Lembaga boleh memindahkan segala atau mana-mana bahagian wang yang diuntukkan—

- (a) bagi satu butiran perbelanjaan berulang tahunan kepada satu butiran perbelanjaan berulang tahunan yang lain;
- (b) bagi satu butiran perbelanjaan modal kepada satu butiran perbelanjaan modal yang lain.

- (2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi—
- (a) wang yang didepositkan dengan Universiti oleh mana-mana orang jika, menurut syarat deposit itu, mana-mana wang itu telah genap masanya untuk dibayar balik;
  - (b) wang yang dipungut dan dikreditkan kepada Kumpulan Wang Universiti dengan silap;
  - (c) wang yang kena dibayar oleh Universiti menurut apa-apa penghakiman atau perintah mahkamah;
  - (d) wang yang dibelanjakan oleh Universiti bagi membawa atau membela prosiding di sisi undang-undang; dan
  - (e) perbelanjaan yang berbangkit daripada apa-apa harta atau wang yang disebut dalam seksyen 48.

### **Bentuk anggaran**

**47.** Anggaran tahunan dan anggaran tambahan hendaklah disediakan mengikut bentuk dan hendaklah mengandungi maklumat sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga, dan hendaklah menunjukkan dalam bahagian yang berasingan perbelanjaan berulang tahunan dan perbelanjaan modal Universiti.

### **Kuasa Lembaga untuk mendapatkan dana, menerima hadiah, dsb.**

**48.** (1) Lembaga boleh bagi pihak Universiti mendapatkan dana bagi aktiviti akademik dan penyelidikan Universiti dan menerima sebagai pemberian, hadiah, pemberian berwasiat, subsidi, legasi atau selainnya, harta atau wang bagi membantu kewangan Universiti atas apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan olehnya.

(2) Daftar hendaklah disenggarakan mengenai segala derma yang diberikan kepada Universiti termasuk nama penderma kepada Universiti dan apa-apa syarat khas mengenai sesuatu derma yang diberikan.

**Harta yang diberikan bagi maksud tertentu hendaklah diakaunkan secara berasingan**

**49.** Segala harta atau wang yang diberikan bagi sesuatu maksud tertentu hendaklah digunakan dan ditadbirkan mengikut maksud harta atau wang itu telah diberikan dan hendaklah diakaunkan secara berasingan.

**Bentuk kontrak**

**50.** Apa-apa kontrak yang melibatkan perbelanjaan Universiti hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani bagi pihak Universiti oleh mana-mana pekerja Universiti yang diberi kuasa sewajarnya oleh Lembaga, sama ada secara khusus dalam apa-apa hal tertentu atau secara am bagi semua kontrak di bawah suatu nilai tertentu atau selainnya sebagaimana yang ditetapkan dalam pemberikuasaan itu.

**Audit**

**51.** (1) Akaun Universiti hendaklah diaudit setiap tahun oleh juruaudit yang dilantik oleh Lembaga.

(2) Akaun yang diaudit, serta apa-apa pendapat yang dibuat mengenainya oleh juruaudit, hendaklah dibentangkan kepada Menteri.

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN AM

**Konvokesyen**

**52.** (1) Konvokesyen untuk menyampaikan ijazah hendaklah diadakan setiap tahun, atau seberapa kerap mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Canselor, pada tarikh yang diluluskan oleh Canselor.

(2) Jika Canselor tidak hadir atau jika Pro-Canselor yang diberi kuasa bagi maksud ini oleh Canselor tidak hadir, Naib Canselor hendaklah menjadi pengerusi Konvokesyen.

**Pelantikan pekerja Universiti**

**53.** (1) Semua orang yang diambil atau akan diambil kerja oleh Universiti sebagai profesor kanan, profesor dan pegawai yang disebut dalam seksyen 14 hendaklah dilantik sebagai yang demikian oleh Lembaga mengikut nasihat Jawatankuasa Pemilih.

(2) Semua orang yang diambil atau akan diambil kerja oleh Universiti kecuali orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dilantik oleh Universiti mengikut mana-mana statut atau kaedah, dilantik oleh Universiti.

(3) Tiap-tiap orang yang diambil kerja oleh Universiti hendaklah memegang jawatan mengikut apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dan syarat yang akan ditetapkan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai termasuk peruntukan—

- (a) berhubung dengan kewajipan mengajar, memeriksa, menyelia dan kewajipan lain yang seumpamanya, bahawa kerjanya adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan kepada peruntukan semua statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa; dan
- (b) berhubung dengan semua syarat perkhidmatan yang lain, bahawa kerjanya adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan kepada peruntukan semua statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa pada tarikh dia mula bekerja.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini melarang Lembaga membuat apa-apa kontrak khas dengan seseorang yang hendak diambil kerja sedemikian oleh Universiti jika Lembaga berpendapat suai manfaat berbuat demikian.

**Profesor Diraja**

**54.** (1) Walau apa pun seksyen 26 dan 53, Yang di-Pertuan Agong boleh, selepas berunding dengan Canselor, dari semasa ke semasa melantik orang yang mempunyai kepujian akademik yang luar biasa sebagai profesor Universiti:

Dengan syarat bahawa bilangan orang yang dilantik sedemikian tidak boleh pada bila-bila masa lebih daripada tiga orang.

(2) Sesiapa yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah dikenali sebagai Profesor Diraja dan—

- (a) hendaklah memegang jawatan mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Canselor dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong; dan
- (b) tertakluk kepada syarat pelantikannya dan kepada apa-apa arahan oleh Canselor, hendaklah mempunyai segala kuasa dan melaksanakan segala kewajipan yang diberikan atau yang ditanggungkan ke atas profesor oleh Perlembagaan ini dan mana-mana statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

**Semua pelantikan hendaklah tertakluk kepada Akta dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya**

**55.** Walau apa pun seksyen 53 dan 54 atau peruntukan lain Perlembagaan ini, tiap-tiap orang yang diambil kerja oleh Universiti, termasuk profesor yang dilantik di bawah seksyen 54, hendaklah memegang jawatan tertakluk kepada peruntukan Akta dan apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya dan terma dan syarat pengambilan kerja atau pelantikan mereka hendaklah disifatkan sebagai termasuk peruntukan yang bermaksud demikian itu.

### **Menerima masuk pelajar**

**56.** Seseorang pelajar tidak boleh diterima masuk ke Universiti dalam sesuatu kursus pengajian untuk sesuatu ijazah melainkan jika dia telah memenuhi kehendak yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah:

Dengan syarat bahawa, kecuali dengan persetujuan Menteri, pelajar yang telah diberi biasiswa Persekutuan atau biasiswa Negeri, pinjaman atau bantuan kewangan lain yang seumpamanya dari wang awam untuk kursus ijazah Universiti, tidak boleh ditolak jika mereka memenuhi kehendak itu.

### **Majlis Perwakilan Pelajar**

**57.** (1) Pelajar berdaftar Universiti, selain pelajar luar, hendaklah pada kesemuanya menjadi suatu badan yang dinamai Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti (kemudian daripada ini dalam Perlembagaan ini disebut "Kesatuan").

(2) Lembaga boleh membuat Peraturan-Peraturan bagi penjalanan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar dan bagi segala perkara yang berhubungan dengannya.

(3) Kesatuan hendaklah memilih suatu Majlis Perwakilan Pelajar-Pelajar (kemudian daripada ini dalam Perlembagaan ini disebut "MPP") mengikut cara yang berikut:

- (a) pelajar berdaftar setiap Kampus Cawangan, Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut hendaklah memilih melalui undi rahsia yang dijalankan oleh Ketua Kampus Cawangan atau Dekan Fakulti atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebilangan pelajar berdaftar yang sama bilangannya daripada Kampus Cawangan, Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu untuk menjadi wakil dalam MPP, sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor; dan
- (b) pelajar berdaftar sebagai keseluruhan hendaklah memilih dengan undi rahsia yang dijalankan oleh mana-mana pegawai yang

dilantik oleh Naib Canselor bagi maksud itu, beberapa orang pelajar berdaftar, mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor, untuk menjadi wakil dalam MPP, dan bilangan pelajar itu hendaklah, walau bagaimanapun, tidak lebih daripada setengah daripada bilangan wakil yang dipilih di bawah perenggan (a).

(4) MPP hendaklah memilih dari antara ahlinya seorang Yang Dipertua, seorang Naib Yang Dipertua, seorang Setiausaha dan seorang Bendahari dan hanya merekalah sahaja yang menjadi pemegang jawatannya, melainkan jika dibenarkan secara bertulis sebaliknya oleh Naib Canselor; pemegang jawatan yang dibenarkan sedemikian oleh Naib Canselor hendaklah dipilih oleh MPP dari antara ahli MPP.

(5) Ahli MPP dan pemegang jawatannya hendaklah dipilih selama satu tahun.

(6) Keputusan MPP hendaklah diambil mengikut undi terbanyak dengan tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli hadir dan mengundi.

(7) MPP boleh membentuk dari semasa ke semasa, dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis daripada Naib Canselor, jawatankuasa *ad hoc* dari antara ahlinya bagi maksud atau tujuan tertentu.

(8) Tiada seseorang pelajar yang keputusan prosiding tatatertib terhadapnya masih ditunggu, atau yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, boleh dipilih atau terus lagi menjadi seorang ahli MPP atau seorang pemegang jawatan bagi mana-mana badan atau jawatankuasa pelajar, melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.

(9) Seseorang pelajar yang belum lagi masuk peperiksaannya yang pertama di Universiti bagi kursus pengajiannya atau yang telah gagal atau yang tidak masuk peperiksaan yang baharu lalu yang diadakan oleh Universiti bagi kursus pengajiannya sebelum sahaja sesuatu pemilihan atau pemilihan yang dicadangkan bagi MPP atau oleh MPP atau bagi atau oleh mana-mana pertubuhan atau badan pelajar yang lain adalah hilang kelayakan untuk dipilih dalam pemilihan atau pemilihan itu.



- (10) Tujuan dan fungsi MPP ialah untuk:
- (a) memupuk semangat hidup sebagai suatu perbadanan di kalangan pelajar Universiti;
  - (b) tertakluk kepada arahan Naib Canselor, menyusun dan menyelia kemudahan kebajikan pelajar di Universiti termasuk kemudahan rekreasi, aktiviti kerohanian dan keagamaan, dan pembekalan makanan dan minuman;
  - (c) membuat rayuan kepada Naib Canselor mengenai segala perkara yang berhubungan dengan atau berkenaan dengan keadaan hidup dan kerja pelajar Universiti;
  - (d) diwakili dalam mana-mana badan yang boleh, mengikut sesuatu Kaedah yang dibuat oleh Lembaga bagi maksud itu, dilantik untuk menjalankan aktiviti kebajikan pelajar di Universiti; dan
  - (e) menjalankan apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(11) Kesatuan atau MPP tidak boleh menyenggarakan apa-apa kumpulan wang atau membuat apa-apa pemungutan wang atau harta dari apa-apa jua punca pun, tetapi apa-apa belanja yang berpatutan yang boleh dilakukan oleh MPP dengan terlebih dahulu dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor boleh dibayar oleh Universiti jika tuntutan bertulis yang berpatutan yang disokong dengan resit dan baucar dikemukakan oleh MPP kepada Naib Canselor dan diluluskan oleh Naib Canselor.

(12) Bendahari hendaklah menyimpan penyata kewangan MPP dengan sepatutnya dan tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhir tiap-tiap tahun kewangan, iaitu suatu tahun kewangan sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor, satu salinan penyata kewangan tersebut yang diaudit oleh seorang yang dilantik oleh Lembaga hendaklah dikemukakan oleh MPP kepada Lembaga untuk diluluskan.

(13) MPP hendaklah mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya perlu dan adalah menjadi kewajipan Setiausaha menyimpan minit tiap-tiap mesyuarat MPP dan minit itu hendaklah disahkan di suatu mesyuarat yang berikutnya.

(14) (a) Bagi maksud seksyen ini—

“pelajar berdaftar” ertinya seseorang pelajar yang mengikuti kursus pengajian di Universiti untuk suatu ijazah atau diploma termasuk diploma lepas ijazah, tetapi tidak termasuk seorang pelajar luar;

“pelajar luar” ertinya seseorang pelajar berdaftar di Kampus di luar Malaysia atau seseorang pelajar yang mengikuti suatu program jangka pendek, sambilan, pembelajaran jarak jauh, program pertukaran atau bersekutu, sama ada di dalam atau di luar Malaysia.

“peperiksaan” termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian untuk memutuskan markah atau gred bagi sesuatu kursus tertentu atau sebahagian daripada kursus tertentu.

(b) Seorang pelajar berdaftar hendaklah terhenti menjadi pelajar berdaftar di bawah seksyen ini—

(i) apabila disiarkan keputusan peperiksaan akhir bagi kursus pengajian itu, jika dia lulus peperiksaan itu; atau

(ii) apabila disiarkan keputusan mana-mana peperiksaan bagi kursus pengajian itu, jika dia gagal dalam peperiksaan itu, sehingga dia, kemudiannya, didaftarkan sekali lagi bagi kursus pengajian itu atau kursus pengajian lain yang berkenaan dengan seseorang pelajar berdaftar di bawah subseksyen ini.

### **Penubuhan badan pelajar lain**

**58.** (1) Walau apa pun seksyen 57, sah di sisi undang-undang bagi tidak kurang daripada sepuluh orang pelajar Universiti dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Naib Canselor dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor, menubuhkan suatu badan pelajar yang terdiri daripada pelajar Universiti bagi memajukan sesuatu tujuan atau kepentingan tertentu dalam Universiti.

(2) Subseksyen 57(4), (5), (6), (7), (8), (9), (11), (12) dan (13) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi sesuatu badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen ini sebagaimana ia terpakai bagi MPP.

### **Perbuatan yang melampaui had kuasa Perlembagaan MPP atau sesuatu badan pelajar**

**59.** (1) Jika Kesatuan atau MPP atau sesuatu badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen 58 menjalankan urusannya secara yang, pada pendapat Naib Canselor, boleh merosakkan atau memudaratkan kesentosaan atau nama baik Universiti atau melakukan perbuatan yang bersalahan dengan Perlembagaan Universiti atau Perlembagaannya sendiri, atau mana-mana statut, kaedah atau peraturan Universiti, Naib Canselor boleh menggantung atau membubarkan Kesatuan atau MPP atau badan pelajar tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan dengan tidak menyentuh apa-apa tanggungan yang mungkin berbangkit di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa, tiap-tiap pemegang jawatan dalam Kesatuan atau MPP atau badan pelajar tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh dikenakan apa-apa hukuman tatatertib.

(2) Subseksyen (1) adalah tambahan kepada dan tidak mengurangkan kuasa seksyen 16 Akta.

### **Kuasa untuk mewakilkan**

**60.** (1) Jika menurut peruntukan Perlembagaan ini atau mana-mana statut, kaedah atau peraturan, seseorang pegawai atau sesuatu pihak berkuasa diberi kuasa untuk menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa kewajipan, pegawai

atau pihak berkuasa itu boleh dengan surat cara bertulis dan tertakluk kepada seksyen ini dan kepada apa-apa syarat dan sekatan yang ditetapkan dalam surat cara itu, mewakilkan kuasa atau kewajipan itu supaya dijalankan oleh mana-mana pihak berkuasa atau jawatankuasa atau mana-mana orang yang dinyatakan dalam surat cara itu mengikut nama atau jawatannya.

(2) Sesuatu perwakilan di bawah seksyen ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh pegawai atau pihak berkuasa yang membuat perwakilan itu.

(3) Tiada apa-apa perwakilan kuasa atau perwakilan kewajipan di bawah seksyen ini boleh menyentuh hak pegawai atau pihak berkuasa yang membuat perwakilan itu untuk menjalankan kuasa atau melaksanakan kewajipan itu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini terpakai bagi apa-apa kuasa untuk membuat atau meluluskan statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.

#### **Pelucutan ijazah, dsb., atas alasan salah laku**

**61.** (1) Jika Lembaga berpendapat bahawa mana-mana mahasiswa Universiti atau mana-mana orang yang telah menerima sesuatu ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik lain daripada Universiti bersalah atas perbuatan skandal, maka adalah sah bagi Canselor, dengan sokongan tidak kurang daripada dua pertiga daripada semua ahli Lembaga, selepas memberikan peluang untuk didengar kepada mahasiswa itu atau orang yang berkenaan, untuk melucutkan apa-apa ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik lain yang diberikan kepadanya oleh Universiti.

(2) Perbuatan skandal dalam subseksyen (1) ertinya dengan sengaja memberi mana-mana pegawai, pekerja atau Pihak Berkuasa Universiti apa-apa maklumat atau dokumen yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material untuk mendapatkan ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik lain daripada Universiti itu.

#### **Pertikaian mengenai pemilihan diputuskan oleh Menteri**

**62.** Jika berbangkit apa-apa soal sama ada seseorang telah dipilih, dilantik, dicalonkan, atau dipilih masuk menjadi ahli dengan sempurnanya atau pun berhak

menjadi atau terus menjadi ahli bagi mana-mana Pihak Berkuasa atau badan Universiti lain soal itu hendaklah dirujuk kepada Menteri dan keputusannya adalah muktamad.

### **Pemansuhan**

**63.** Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis yang diwartakan melalui P.U. (A) 25/2007 pada 1 Februari 2007 dimansuhkan.

## **BAHAGIAN VII**

### **PERUNTUKAN KECUALIAN DAN PERALIHAN**

#### **Tafsiran**

**64.** Dalam Bahagian ini-

“Pihak Berkuasa” ertinya Pihak Berkuasa yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan;

“Perlembagaan yang dimansuhkan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis yang disiarkan dalam *P.U. (A) 25/2007* dan dimansuhkan di bawah seksyen 63 Perlembagaan ini;

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh Perlembagaan ini mula berkuat kuasa.

#### **Keesahan tindakan oleh Universiti**

**65.** Apa-apa surat cara, surat ikatan, hakmilik, dokumen, bon, perjanjian dan perkiraan kerja yang telah disempurnakan oleh Pihak Berkuasa di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan disifatkan telah dibuat di bawah Perlembagaan ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

#### **Hak, dsb. Pihak Berkuasa tidak terjejas**

**66.** (1) Segala hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Pihak Berkuasa di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, turun kepada dan disifatkan sebagai hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Pihak Berkuasa di bawah Perlembagaan ini.

(2) Segala aku janji yang diberikan oleh, dan perkara yang belum selesai di hadapan Pihak Berkuasa di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, dijalankan oleh atau diteruskan di hadapan, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pihak Berkuasa di bawah Perlembagaan ini.

(3) Segala tanggungan sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Pihak Berkuasa di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, dikuatkuasakan terhadap Pihak Berkuasa di bawah Perlembagaan ini.

### **Kuasa yang diwakilkan**

**67.** Segala kuasa yang diwakilkan di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, setakat yang perwakilan itu selaras dengan Perlembagaan ini, disifatkan telah diwakilkan di bawah Perlembagaan ini.

### **Kecualian Statut, dsb.**

**68.** Semua statut, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perisytiharan, perintah, notis, borang dan surat diberi kuasa yang dikeluarkan atau dibuat oleh Universiti sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah terus berkuat kuasa setakat yang statut, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perisytiharan, perintah, notis, borang dan surat diberi kuasa selaras dengan, atau sehingga diganti atau dibatalkan oleh, peruntukan Perlembagaan ini.

### **Penerusan perkhidmatan**

**69.** Tertakluk kepada Perlembagaan ini, semua orang yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan telah dilantik, atau diambil kerja, oleh Universiti di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada dan selepas tarikh itu disifatkan telah dilantik, atau diambil kerja, oleh Universiti di bawah Perlembagaan ini.

### **Pelajar Universiti**

**70.** Semua pelajar yang sebaik sahaja sebelum tarikh yang ditetapkan telah diterima masuk untuk mengikuti kursus pengajian di Universiti di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan dan, pada tarikh yang ditetapkan masih lagi mengikuti kursus pengajian

hendaklah pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah diterima masuk di bawah Perlembagaan ini.

### **Penerusan Kesatuan dan badan pelajar lain**

71. (1) Kesatuan dan badan-badan pelajar yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah ditubuhkan di bawah Perlembagaan ini.

(2) Pelajar-pelajar yang menjadi ahli Kesatuan dan badan-badan pelajar di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, setakat yang mereka layak menjadi pelajar berdaftar di bawah subseksyen 57(14) Perlembagaan ini, kekal menjadi ahli Kesatuan dan badan-badan pelajar itu.

(3) Ahli yang dipilih untuk memegang jawatan dalam Kesatuan dan badan-badan pelajar lain di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah dipilih memegang jawatan dalam Kesatuan dan badan-badan pelajar di bawah Perlembagaan ini.

### JADUAL

[Subseksyen 16(3)]

### **Hilang Kelayakan**

1. Orang yang berikut hilang kelayakan untuk dilantik sebagai atau untuk menjadi ahli sesuatu Pihak Berkuasa Universiti:

(a) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

- (ii) kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;
  - (iii) kesalahan di bawah Akta; atau
  - (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang melebihi dua tahun;
- (b) jika dia menjadi bankrap; atau
- (c) jika dia didapati atau ditetapkan tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menguruskan hal ehwalnya.

### **Terhenti menjadi ahli**

2. Seseorang ahli Pihak Berkuasa hendaklah terhenti menjadi ahli—
- (a) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran pengerusi Pihak Berkuasa itu; atau
  - (b) jika pelantikannya dibatalkan atau dia meletakkan jawatan; atau
  - (c) jika dia hilang kelayakan di bawah perenggan 1.

### **Peletakan jawatan**

3. Seseorang ahli Pihak Berkuasa boleh meletakkan jawatan dengan memberikan notis satu bulan secara bertulis kepada pengerusi Pihak Berkuasa.

### **Pengisian kekosongan**

4. Jika mana-mana orang terhenti menjadi ahli Pihak Berkuasa oleh sebab peruntukan Akta, seorang lain boleh dilantik untuk mengisi kekosongan itu bagi tempoh selebihnya yang baginya ahli itu dilantik.



## **Elaun**

5. Ahli Pihak Berkuasa selain Lembaga bolehlah dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

## **Pihak Berkuasa boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat**

6. (1) Pihak Berkuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat atau pertimbangtelitian Pihak Berkuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidaklah berhak mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) bolehlah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

## **Minit**

7. (1) Pihak Berkuasa hendaklah menyebabkan minit segala mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Pihak Berkuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Pihak Berkuasa berkenaan dengan prosiding yang mengenainya minit telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua ahli pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

## **Pendedahan kepentingan**

8. (1) Seseorang ahli Pihak Berkuasa yang, secara langsung atau secara tidak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya—

(a) sesuatu kepentingan dalam syarikat atau perusahaan yang dengannya Pihak Berkuasa itu bercadang hendak membuat sesuatu kontrak; atau

- (b) sesuatu kepentingan dalam kontrak atau perkara yang sedang dibincangkan oleh Pihak Berkuasa, hendaklah mendedahkan hakikat dan jenis kepentingannya itu kepada Pihak Berkuasa.

(2) Sesuatu pendedahan di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit Pihak Berkuasa dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh pengerusi, ahli itu tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangan atau keputusan Pihak Berkuasa yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

### **Keesahan perbuatan dan prosiding**

9. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Perlembagaan ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada kekosongan dalam keahlian, atau ada kecacatan dalam penubuhan, Pihak Berkuasa;
- (b) ada pelanggaran perenggan 8 oleh seseorang ahli Pihak Berkuasa; atau
- (c) ada peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit perkara itu.

Dibuat 16 Disember 2010

[KPT.U.(S)100/1/2/1 Jld.6; PN(PU<sup>2</sup>)75P/III]

Dengan Titah Perintah

DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN

*Menteri Pengajian Tinggi*